

TARIKH	RABU, 3 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KAKITANGAN AWAM BERECUTI LAYAK TERIMA BANTUAN KHAS AIDILFITRI
M/S	3
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Kakitangan awam bercuti layak terima bantuan khas Aidilfitri

Bayaran RM500 diberikan kepada pegawai Gred 56 dan ke bawah Jumaat ini

Putrajaya: Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) 2024 yang akan mula dibayar Jumaat ini, layak diterima oleh pegawai yang bercuti dengan bergaji penuh, bercuti separuh gaji dan bercuti tanpa gaji.

Dalam surat edaran ditandatangani Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz, dimaklumkan BKKA 2024 juga layak diterima pegawai yang dipinjamkan, termasuk ke agensi yang diasingkan saraannya dengan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai itu.

Bayaran RM500 berkenaan akan diberikan kepada penjawat awam Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 5 April, pegawai lantikan *contract of service* (COS), pegawai sambilan harian serta pegawai lantikan MySTEP, manakala bayaran RM250 untuk pesara kerajaan, veteran berpencen dan veteran tidak berpencen.

Menurut **BERNAMA**, BKKA 2024 juga layak diterima guru in-

terim, pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Utama B dan ke atas serta Gred Khas A dan ke atas yang layak, tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya, selain pemandu yang dilantik sendiri oleh anggota pentadbiran, hakim dan pesuruhjaya kehakiman.

Menurut surat edaran berkenaan, bayaran BKKA 2024 bagi pesara kerajaan, termasuk yang bersara selepas mencapai opsyen

umur persaraan atau bersara atas sebab kesihatan akan dilakukakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), manakala veteran berpencen dan tidak berpencen oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV).

"Veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara serta COS dan masih berkhidmat pada 5 April, layak dibayar RM500 dengan bayaran RM250 oleh JPA atau JHEV dan baki

RM250 dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat," menurut surat edaran berkenaan.

BKKA 2024 dikecualikan cukai

Bagaimanapun bayaran BKKA 2024 tidak layak diberikan kepada pegawai dalam kumpulan pengurusan tertinggi dan setaraf, termasuk pegawai yang memangku, dipinjam atau ditukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama atau Gred Khas.

Menurut surat edaran itu, pemberian BKKA 2024 adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan BKKA sebanyak RM500 akan dibayar kepada penjawat awam Gred 56 ke bawah, selain semua pesara kerajaan, termasuk veteran berpencen serta tidak berpencen.

Tiada rumah terbuka dianjurkan di Seri Perdana

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak akan menganjurkan rumah terbuka Aidilfitri di Seri Perdana tahun ini, sebaliknya akan mengikut dan menghadiri majlis di negeri yang dianjurkan oleh menteri.

"Untuk sambutan Aidilfitri, saya tidak buat majlis besar-besaran di Seri Perdana. Sebaliknya, saya akan mengikut dan menghadiri majlis di negeri-negeri yang dianjurkan oleh menteri-menteri," kata Perdana Menteri ketika

berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Bersama Warga Kementerian Kewangan, di sini semalam.

Turut mengingatkan agensi kerajaan supaya lebih berhemat dan menganjurkan majlis sambutan hari raya sederhana, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata: "Jangan berlumba-lumba untuk menganjurkan majlis yang lebih besar dan mewah, itu bukan duit anda pun."

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM